

Air sumbu sebabkan dua remaja maut mungkin dicampur dadah

06 Februari 2017

KOSMO! ISNIN 6 FEBRUARI 2017 NEGARA! 17

Air sumbu sebabkan dua remaja maut mungkin dicampur dadah

BACHOK - Polis tidak menolak kemungkinan 'air sumbu' yang diminum oleh dua remaja sehingga mengakibatkan kematian mereka pada minggu lalu turut dicampur dengan bahan dipercayai dadah bagi tujuan untuk berkhayal.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Dr. Ab. Rahman Ismail berkata, istilah air sumbu dipercayai merupakan sebahagian daripada kod atau panggilan gantian untuk dadah dan minuman itu tidak memudaratkan tetapi dicampur dengan bahan lain yang dipercayai dadah melalui penemuan botol air tersebut.

"Kejadian seumpama itu adalah kes pertama yang berlaku di negeri ini yang memerlukan ketelitian untuk mencari punca sebenar yang menyebabkan kematian mereka.

"Kita percaya air sumbu itu adalah satu istilah atau

Maut lepas minum air sumbu

Dua sahabat ditemui mati dalam kereta diben minuman campuran buah kecubung

KETUA Polis Kelantan, Datuk Dr. Ab. Rahman Ismail berkata, istilah air sumbu dipercayai merupakan sebahagian daripada kod atau panggilan gantian untuk dadah dan minuman itu tidak memudaratkan tetapi dicampur dengan bahan lain yang dipercayai dadah melalui penemuan botol air tersebut.

"Kejadian seumpama itu adalah kes pertama yang berlaku di negeri ini yang memerlukan ketelitian untuk mencari punca sebenar yang menyebabkan kematian mereka.

"Kita percaya air sumbu itu adalah satu istilah atau

KERATAN Kosmo! 4 Februari 2017.

sebelum membuat perincian.

"Maklumat awal cecair itu dipercayai air daun pohon kecubung yang diproses bagi tujuan mengkhayalkan seperti dadah.

"Bagaimanapun, kita dapati hasil maklumat daripada anggota narkotik, air kecubung tidak memberikan kesan maut kecuali diolah dengan campuran lain seperti dadah. Kita sedang tunggu laporan penuh kandungan air berkenaan melalui bedah siasat ke atas usus salah seorang remaja yang maut," katanya.

Ab. Rahman berkata,

polis juga giat memburu seorang suspek bernama 'Epa' yang dipercayai membekalkan minuman itu kepada dua remaja berkenaan.

Pada 30 Januari lalu, dua remaja, Mohamad Sharul Nizam Hasbullah dan Nik Muhammad Hafiz Nik Zamzam, masing-masing berusia 18 tahun ditemui maut dalam sebuah kereta Perodua Kelisa di Kampung Panchor, Kota Bharu.

Menurutnya, polis mengambil masa dalam tempoh tertentu bagi menganalisis kandungan air itu dengan penemuan satu botol mineral kecil di dalam kereta mangsa dipercayai diminum dua remaja itu.

"Setakat ini, kita masih mengklasifikasikan kematian remaja itu sebagai mati mengejut kerana 'strok haba,' katanya.



AB. RAHMAN (dua dari kiri) dan Jaafar (kiri) beramah mesra dengan pelajar pada Program Jom Ke Sekolah Peringkat Kelantan di SMK Bachok semalam.